Kementerian Kerja Raya Malaysia

# BINA

05

ISSN: 1985-4595 | 05/2014 | SEPT - OKT 2014




## MENARIK DI DALAM


- KONTINJEN KKR CEMERLANG DI ASC KE-10 HANOI (M/S 5)
- PEMENANG 6 ANUGERAH INOVASI KKR DI RAI (M/S 8)
- INFO IKONIK - MENARA BERKEMBAR PETRONAS (M/S 7)


# INOVASI PEMANGKIN TRANSFORMASI

# SIDANG REDAKSI


**PENAUNG**
YBhg. Dato' Zohari Bin Haji Akob
*(Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya)*

**PENASIHAT**
YBrs. Encik Sarani Bin Dollah
*(Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Kerja Raya)*

**KETUA PENGARANG**
Pn. Noreha Mohd Ripin
*(Ketua Komunikasi Korporat)*

**PENGARANG**
En. Mohd Rizal Bin Hashim
En. Fauzi Bin Baharudin
En Mohd Arif Nazlan
Pn. Aisah Binti Ghazali

**FOTOGRAFI**
En. Rosdin Bin Sabni
*(Jurufoto, Unit Komunikasi Korporat)*
Dan
Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya

**REKA BENTUK/PENCETAK**
Qaisworks Sdn. Bhd.
Tel: +603 7832 2144

**URUSETIA**
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
Kementerian Kerja Raya,
Tingkat 6, Blok B,
Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-2711 1101
E-mel : pro@kkr.gov.my
Web : www.kkr.gov.my
Facebook : Kementerian Kerja Raya
Twitter : @MOWorks


IMBAS KOD QR DISINI

## *Dari* Kafe KKR - *Membudaya inovasi dan kreativiti*

INOVASI adalah cetusan idea-idea kreatif yang mampu menganjak paradigma negatif rakyat terhadap kita sebagai penjawat awam.

Dasar sudah pun dilakar untuk transformasi bertunjangkan kualiti dan produktiviti. Penyampaian perkhidmatan secara automatisnya, kini mesti cekap, cepat dan tepat demi memenuhi kehendak serta kesejahteraan rakyat.

Sama ada inovasi itu berbentuk produk, perkhidmatan, proses dan teknologi, matlamatnya satu – iaitu meringkas dan mempermudah prosedur yang komplikated supaya rakyat dapat menerima manfaat daripada peruntukan infrastruktur yang disediakan kerajaan saban tahun.

Oleh itu, menjadi matlamat kita di KKR meletakkan inovasi dan kreativiti dalam minda sedar dan psikologi bawah sedar kita supaya ianya menjadi budaya kita dalam melaksanakan tugas seharian.

Kita juga perlu terus menggerak budaya inovasi melalui pemikiran yang kritikal dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita.

KKR mesti terus hidup dan bernafas dengan budaya inovatif bagi memperkasa agenda transformasi nasional dan melahirkan perubahan berimpak besar kepada bangsa dan negara

Tumpuan mesti diberikan ke arah mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dengan barisan hadapan yang lebih berinovatif untuk mewujudkan enjin baru dalam melaksanakan perubahan dan membina momentum menyampaikan hasrat besar kerajaan kepada rakyat.

Persekitaran dan budaya kerja di dalam organisasi perlu mendorong kepada penyuburan nilai-nilai inovasi dan kreativiti. Perubahan sikap bagi memupuk budaya inovasi dan kreativiti di dalam organisasi perlu bergerak sederap dengan pihak pengurusan, perlu berjiwa kreatif dan inovatif bagi memastikan nilai-nilai kreativiti dan inovasi benar-benar dihayati dan menjadi budaya kerja sekalian anggota di dalam organisasi.

Ayuh KKR!

*Noreha Mohd Ripin*








# HARI INOVASI KKR 2014


Lawatan ke Tapak pameran kendalian PLUS


Ucapan Perasmian oleh YBM

**KUALA LUMPUR, 14 Oktober** – Bersempena dengan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya (KKR) 2014, sebanyak enam anugerah telah dipertandingkan selaras dengan usaha melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berasaskan inovasi dan kreativiti.

Anugerah tersebut adalah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kategori Pengurusan dan Teknikal, Anugerah Inovasi ICT, Anugerah Inovasi Pengurusan Terimaan, Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat dan Anugerah Inovasi Pengurusan Projek. Kesemua pemenang keenam-enam anugerah ini telah diumumkan pada Hari Inovasi ini bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid. Hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya.

Hari Inovasi KKR telah diadakan sejak 2010 bagi menggantikan Hari Kualiti dan bagi tahun ini ia membawakan tema 'Inovasi Pemangkin Transformasi'.



# PERASMIAN MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA (ICW 2014)

**KUALA LUMPUR, 18 September –** Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof telah merasmikan Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2014 dengan mengajak para pemain industri binaan untuk bersungguh-sungguh menerapkan amalan kelestarian dalam industri binaan.

Acara yang bertemakan "Building a Better Tomorrow" ini berlangsung di Dewan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari 17 hingga 23 September 2014. Acara tahunan ini dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan merupakan penganjuran kali ke-14 untuk acara yang terbesar seumpamanya di Asia Tenggara.

Bermula tahun 2014 juga, ICW 2014 turut diadakan bersekali dengan program Ecobuild Asia Tenggara yang merupakan pentas penggiat dan pembekal bahan binaan tempatan dan antarabangsa berkumpul berkongsi teknologi terkini.

ICW 2014 disertai 300 syarikat daripada 24 negara termasuklah China, Singapura, Korea Selatan dan United Kingdom dan dihadiri lebih 15 ribu orang pengunjung.

# KKIK KKR 2014- PENGHARGAAN IDEA KREATIF DAN INOVATIF ORGANISASI

**KUALA LUMPUR, 2 Oktober –** Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KKIK) Kementerian Kerja Raya (KKR) 2014 telah dilangsungkan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Kerja Raya atas cetusan kreativiti dan inovatif yang disembahkan melalui pasukan masing-masing.

Sebanyak sembilan kumpulan telah bertanding dengan lima daripada kategori Pengurusan manakala empat daripada kategori Teknikal yang terdiri daripada kakitangan di Kementerian dan Agensi. Kumpulan-kumpulan tersebut adalah 1-KINOS, AURORA, JURAGAN, QUAKE, QS INOVATIF 2012, SINERGI N9, SORT, SPEED dan i-SMART.

Panel hakim yang mengadili pertandingan ini ialah Dr. Shahila Amran (Kementerian Kesihatan Malaysia), Encik Azmi Mohd Sayuti (Kementerian Pendidikan Malaysia) dan Encik Ramesh Pillai (MACRI).

Ucapan perasmian KKIK KKR 2014 telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Zohari Haji Akob, Ketua Setiausaha KKR. Dalam ucapannya, beliau menyeru agar warga Kerja Raya menyahut cabaran untuk mengubah cara berfikir dan bertindak daripada yang biasa kepada luar biasa (think out of the box).

Tetamu yang hadir memenuhi dewan menyanyikan lagu negaraku & juga lagu KKR



Ucapan perasmian oleh KSU





Sesi lawatan ke pameran oleh salah satu kumpulan KIK





# TAHNIAH DAN SYABAS!

## KONTINJEN KKR CEMERLANG DI ASC 2014 HANOI, VIETNAM

worldskills ASEAN Hanoi 2014

Kontinjen Kementerian Kerja Raya (KKR) telah berjaya merangkul sejumlah 14 pingat melalui para pelatih bidang kemahiran industri pembinaan yang menyertai Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASEAN Skill Competition- ASC) ke-10 yang berlangsung di Hanoi, Vietnam.

Sebanyak tiga pingat Emas, dua pingat Perak, dua pingat Gangsa dan tujuh pingat Medallion of Excellence telah berjaya dirangkul di pertandingan yang diadakan pada 19 hingga 29 Oktober 2014 itu.

ASC merupakan acara dwi-tahunan yang diadakan secara bergilir melibatkan pembabitan warga kemahiran di rantau Asia Tenggara ini. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk mempromosi latihan kemahiran dan memberi pendedahan kepada peserta, jurulatih dan pakar negara dari rantau ini kepada kemahiran dan teknologi terkini.

KKR telah dipertanggungjawabkan untuk mengurusetiakan lapan bidang kemahiran yang melibatkan industri pembinaan dalam ASC ke-10 ini.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada penerima pingat di ASC Hanoi 2014!

## ASC 10 2014 — PEMENANG PINGAT

### EMAS



- Nama: Mohd Fariduddin bin Ali Kassim
- Pingat: Emas
- Bidang: Plumbing & Heating
- Agensi: ILP Labuan



- Nama: Ng Vui Yee
- Pingat: Emas
- Bidang: Refrigeration and Airconditioning
- Agensi: ILP Sandakan



- Nama: Hasrul Bin Zailan
- Pingat: Emas
- Bidang: Mechanical Engineering Design CAD
- Agensi: UniKL - MFI

### PERAK



- Nama: Muhamad Hafiz Bin Rohani
- Pingat: Perak
- Bidang: Electrical Installations
- Agensi: GIATMARA , Prima Tasek Gelugor



- Nama: Mohamad Azim Bin Kadis
- Pingat: Perak
- Bidang: Refrigeration and Airconditioning
- Agensi: ILP, Mersing

### GANGSA



- Nama: Hamdan bin Majeni
- Pingat: Gangsa
- Bidang: Bricklaying
- Agensi: GIATMARA, Saratok



- Nama: Muhamad Syamir bin Zakaria
- Pingat: Gangsa
- Bidang: Plumbing & Heating
- Agensi: GIATMARA, Setiu

### MEDALLION OF EXCELLENCE

- Nama: Muhammad Imran Bin Mohd Sahar
- Pingat: MEDALLION OF EXCELLENCE
- Bidang: Bricklaying
- Agensi: Akademi Binaan Malaysia (ABM)

- Nama: Muhammad Haly Bin Abdul Karim
- Pingat: MEDALLION OF EXCELLENCE
- Bidang: Electrical Installations
- Agensi: GIATMARA, Jelebu

- Nama: Ahmad Quthaz Bin Azmi
- Pingat: MEDALLION OF EXCELLENCE
- Bidang: Mechanical Engineering Design CAD
- Agensi: UniKL - MFI

- Nama: Lau King Hieng
- Pingat: MEDALLION OF EXCELLENCE
- Bidang: Joinery
- Agensi: ILP Kuala Terengganu

- Nama: Mohd Amirol Bin Awang@Jusoh
- Pingat: MEDALLION OF EXCELLENCE
- Bidang: Wall and Floor Tiling
- Agensi: GIATMARA, Setiu

- Nama: Mohammad Firdaus Bin Hussien
- Pingat: MEDALLION OF EXCELLENCE
- Bidang: Welding
- Agensi: ILP Jitra

- Nama: Muhammad Dzulhelme Bin Razali
- Pingat: MEDALLION OF EXCELLENCE
- Bidang: Welding
- Agensi: Pusat Giatmara, Mentakab

**TAHNIAH KEPADA SEMUA PEMENANG!**

# MENARA BERKEMBAR PETRONAS



## FAKTA!

- Menara Berkembar Petronas adalah bangunan tertinggi di dunia hanya sehingga tahun 2004, apabila Taipei 101 mengambil alih gelaran tersebut.
- Menara Berkembar Petronas masih memegang gelaran bangunan berkembar tertinggi di dunia.
- Terdapat 88 tingkat di Menara Berkembar Petronas.
- Menara Berkembar Petronas telah direka oleh arkitek Argentina-American bernama César Pelli.
- Asas Menara Berkembar Petronas adalah sebanyak 120 meter dalam dan direka-bina oleh Bachy Soletanche.
- Konkrit bertetulang ialah bahan utama yang digunakan dalam pembinaan Menara Berkembar Petronas.
- Menara Berkembar Petronas menggunakan permukaan bangunan yang berkaca dan direka untuk menyerupai motif kesenian Islam.
- Ketinggian keseluruhan Menara Berkembar Petronas 451.9meter (1483 kaki) dari aras bawah. Tinggi Menara Berkembar Petronas tanpa tiang puncak adalah 378 meter (1240 kaki)
- Keluasan pembinaan Menara Berkembar Petronas adalah sekitar 341.760 persegi meter (3.7 juta kaki persegi).
- Jambatan langit Menara Berkembar Petronas (sky-bridge) adalah pada tingkat 41 dan 42 dan 58.4 meter (192 kaki) panajng. Ianya mempunyai berat 750 tan.
- Terdapat 10 tangga eskalator di setiap bangunan Menara Berkembar Petronas.
- Menara Berkembar Petronas mempunyai 32.000 tingkap.
- Pembinaan Menara Berkembar Petronas memerlukan USD 1.2 bilion untuk membina Menara Berkembar Petronas.
- Menara Berkembar Petronas juga mempunyai sebuah galeri seni, dewan konsert 840 tempat duduk, dan tempat letak kereta bawah tanah.
- Di aras bawah Menara Berkembar Petronas terdapat pusat membeli-belah, Suria KLCC, Dewan Filharmonik Petronas, rumah Orkestra Filharmonik Malaysia.





# FAKTA KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KKR 2014

- Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif KKR mula dilaksana pada 2010
- Dilaksana berpandukan Panduan Kumpulan Inovatif dan Kreatif dikeluarkan MAMPU pada 1 November 2009
- Penjenamaan semula daripada nama asal Pertandingan Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) yang mula diperkenal pada 19919 Jumlah pasukan bertanding.
- 4 Kategori Teknikal dan 5 Kategori Pengurusan

## 1 KATEGORI TEKNIKAL



**1-KINOS**, JKR Sepang, Kos Pembersihan Jalanraya Adalah Tinggi



**AURORA**, JKR Seberang Perai Utara, P.Pinang, Kemudahan Penyelenggaraan "Scupper Drain"



**JURAGAN**, LLM Wilayah Selatan, Kesukaran Pembersihan Taburan Paku/Besi di Lebuh Raya



**QUAKE**, LLM Wilayah Tengah, Flexible Gantry at Toll Plaza

## 2 KATEGORI PENGURUSAN



**QS INOVATIF 2012**, JKR Selangor, Kelewatan Penyediaan Surat Setuju Terima Tender



**SINERGI N9**, JKR Negeri Sembilan, Meminimakan Proses Penyediaan Dokumen Tender



**SORT**, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKR, Pengisian Borang Maklumat Pegawai Baru Tidak Efisien



**SPEED**, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKR, Siatem perkhidmatan e-Data (SPEeD)



**i-SMART**, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKR, Kelewatan Memproses Permohonan Perjalanan Pegawai Awam ke Luar Negara atas Urusan Persendirian

## PENILAIAN DAN PEMARKAHAN PROJEK



# "INOVASI PEMANGKIN TRANSFORMASI"




## SEJARAH

Hari Inovasi KKR yang dianjurkan sejak tahun 2010 telah menggantikan Hari Kualiti yang diperkenal tahun 1987

## JUMLAH ANUGERAH

6 Anugerah dengan 3 pemenang untuk setiap Anugerah

## PEMENANG ANUGERAH



1 Johan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Kategori Teknikal) : **AURORA**, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKR



2 Johan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Kategori Pengurusan) : **i-SMART**, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKR



3 Johan Anugerah Inovasi ICT : **iAplikasi Mudah Alih Rasmi CIDB (CIDB Mobile APPS)**



4 Johan Anugerah Inovasi Pengurusan Terimaan : **Bahagian Khidmat Pengurusan**, KKR



5 Johan Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat : **Sr. Fadzilah Abdul Samad**, JKR Malaysia



6 Johan Anugerah Inovasi Pengurusan Projek : **Pasukan Projek Khas IKN Putrajaya**

## PAMERAN





















## PESERTA PAMERAN

- Bahagian Pembangunan dan Penswastaan KKR
  Bahan Pameran: Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (Jambatan Pulau Pinang Kedua)
- Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan,KKR
  Bahan Pameran: Promosi SKWAK dan Teras Perkhidmatan BPKU
- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KKR
  Bahan Pameran: Kesejahteraan Psikologi
- Bahagian Pengurusan Maklumat,KKR
  Bahan Pameran: Sistem-sistem Aplikasi Online di KKR
- Bahagian Akaun, KKR
  Bahan Pameran: Perakaunan Akruan
- CIDB Malaysia
  Bahan Pameran: Touch Screen Electrical
- Lembaga Lebuhraya Malaysia
  Bahan Pameran:
  Projek KIK
  - KIK East Dragon – papan tanda sementara yang dipasang semasa penutupan lorong di lebuh raya kerap tumbang
  - KIK Strive – kesukaran proses pengendalian kon
- Jabatan Kerja Raya Malaysia
  Bahan Pameran:
  Projek KIK dan Projek Inovasi JKR
  - Crash Cushion
  - Spring Flexible Post
  - Median Night Reflector Post
  - BTST
  - Rainwater Harvesting Tank Calculator

## CERAMAH






## PENCERAMAH JEMPUTAN

- Penceramah jemputan 1: Bugs Tan (Uncle Bugs Creations Sdn Bhd)
- Penceramah jemputan 2: Ustaz Harryanto Rizal Rokman (Telaga Biru Training & Consultancy Sdn Bhd)

# PERASMIAN SEMINAR ON TUNNELS & UNDERGROUND STRUCTURE

KUALA LUMPUR , 02 SEPTEMBER



Antara tetamu kehormat yang hadir




Salah satu syarikat yang menyertai pameran



YB Menteri Kerja Raya menandatangani buku pelawat pameran

# SEMINAR GST KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA SELANGOR

PUTRAJAYA, 02 SEPTEMBER




Menteri Kerja Raya bersama SUB BPKU dan Penceramah Jemputan daripada Jabatan Kastam



Pegawai Kanan KKR turut hadir menyertai Seminar



Aksi kanak-kanak yang menceriakan Seminar GST

# PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA GAZA OLEH MYSET

PUTRAJAYA, 20 OKTOBER



Pemberian cenderahati dan mafla daripada Presiden MySET



Penyerahan Sumbangan kepada suruhanjaya pembinaan Gaza



Ucapan pembukaan daripada wakil suruhanjaya arab dan pembinaan gaza Engr. Abbad Isbaitan





# LAWATAN KERJA PROJEK PEMBANGUNAN HOSPITAL RAJA ZAINAB II

KOTA BHARU, 22 SEPTEMBER



Salah satu bilik Blok Hospital yang dilawati YB Menteri



Rombongan lawatan bersama pihak pengurusan Hospital dan JKR Kelantan



Dato Dr. Ghazali Hasni, Pengarah Hospital memberi penerangan sepanjang lawatan kerja

# JERAYAWARA LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 29 SEPTEMBER



YBM beramah mesra bersama salah seorang warga BEM



YBM beramah mesra bersama salah seorang warga BEM

# MAJLIS SAMBUTAN AIDIL ADHA KKR 2014

KUALA LUMPUR, 8 OKTOBER



Pengurusan Tertinggi KKR melaungkan takbir bersama-sama tetamu




Sebahagian daging kurban diagih-agihkan kepada kakitangan sokongan KKR

## MERAIKAN KONTINJEN KKR KE ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC) KE-10 DI HANOI, VIETNAM

KUALA LUMPUR, 14 OKTOBER


Ucapan pemberian semangat kepada peserta oleh YBM


Peserta World Skill yang mewakili Malaysia bergambar kumpulan bersama YBM oleh YBM


YBM beramah mesra bersama peserta2 world skill yang mewakili malaysia

## SEMINAR KESEDARAN MALAYSIAN CIVIL ENGINEERING STANDARD METHOD OF MEASUREMENT (MYCESMM)

KUCHING, 16 OKTOBER


Majlis Menandatangani MOU sedang berlangsung

Ucapan perasmian oleh YBM KKR


Majlis pertukaran MOU KP CIDB & YDP Lembaga Ukur Bahan sambil diperhatikan oleh YBM

## LAWATAN KERJA PROJEK CENTRAL SPINE ROAD (CSR) DAN JAMBATAN HIDUPAN LIAR

21 OKTOBER



Bersama YBM merakam gambar kenangan di papan tanda utama


Foto kumpulan bersama YBM

YBM diberi penerangan oleh konsesi





## SEMINAR MEMPERKASAKAN KUALITI DALAM PEMBINAAN

KUALA LUMPUR, 30 OKTOBER


Acara Menandatangani MOU rakan strategik dalam Pembinaan CIDB & DBKL

Acara bertukar MOU


Gimik pelancaran bersama Pengerusi CIDB & Datuk Bandar KL

## KURSUS UBAHSUAI BANGUNAN (B28) KONTRAKTOR

TUMPAT, KELANTAN, 16 SEPTEMBER


Ucapan perasmian oleh YB Timbalan Menteri


Antara Kontraktor dan Usahawan Negeri Kelantan yang hadir


SUB BPKU menyambut ketibaan YB Timbalan Menteri

## SEMINAR GST KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA SABAH

KOTA KINABALU, 15 SEPTEMBER


Antara Pegawai Kanan KKR yang turut hadir ke perasmian ini

Cenderahati Kenang- kenangan daripada SUB BPKU kepada YBTM


Ucapan Perasmian seminar oleh YBTM

# LAWATAN KE TAPAK PROJEK JKR KELANTAN

PENGKALAN KUBOR, KELANTAN, 16 SEPTEMBER



Sesi taklimat projek dipengerusikan YB Timbalan Menteri


Wakil JKR Kelantan memberi penerangan operasi kaunter tiket


YB Timbalan Menteri memberi isyarat bagus sewaktu meninjau operasi perkhidmatan feri JKR

# OPERASI BERSEPADU KE TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN PUSAT PENYELIDIKAN ANTARABANGSA (CFFRC)

SEMENYIH, 25 SEPTEMBER


KSU & KP CIDB Membuat lawatan tapak pembinaan ini


Mendengar taklimat tentang penggunaan Kaedah terbaharu pembinaa di lobi Utama Pusat Penyelidikan ini

# PERHIMPUNAN BULANAN KKR

KUALA LUMPUR, 25 SEPTEMEBER


KSU bersalaman dengan warga Kerja Raya selesai perhimpunan


Warga Kerja Raya memenuhi dewan mendengar amanat


Ucaptama oleh KSU





# PROGRAM CAKNA PEMBANGUNAN: KEMBARA BAHASA JALAN PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR - IPOH, PERAK

KUALA LUMPUR, 19 OKTOBER


KSU bergambar kumpulan bersama peserta Kembara Jalan Persekutuan


Majlis dimulakan dengan bacaan doa


Majlis Pelepasan (flag Off) oleh KSU

# SEMINAR GST KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA PAHANG

KUANTAN, 23 OKTOBER


Ucapan Perasmian Penutupan Seminazr GST ini Oleh YBhg KSU


Peserta Seminar yang hadir


Ketibaan KSU KKR

# SESI RIADAH PENUTUP HARI INOVASI KKR - ZUMBA

KUALA LUMPUR, 14 OKTOBER


Antara peserta yang menyertai aktiviti riadah Zumba


Aksi kanak-kanak yang turut serta


Peserta Zumba ceria ketika melakukan senaman

# KKR @ MEDIA

05/2014 BULETIN KKR · SEPTEMBER - OKTOBER 2014 1985 - 4595



## Lam Thye dinobat Truck Man of the Year
Anugerah NST-Shell Rimula turut beri pengiktirafan tertinggi kenderaan Jepun, Eropah

## Teknologi BIM jimatkan kos pembinaan

## Setia Haruman, CIDB tingkat kualiti kerja vendor

## Iktiraf wanita dalam industri binaan

## GERAK LEBIH LANCAR

## Lebuh Raya Pan Borneo tiada tol

## Jom Singgah! bantu pelancong
Tourism Malaysia dan PLUS terbit buku panduan

Pertumbuhan 14.3 peratus suku pertama 2014
## Sektor pembinaan catat paling tinggi

## Free Touch N' Go cards for lucky highway users

## Hospital Shah Alam beroperasi pertengahan tahun depan

## 1,500 Touch n Go percuma di Lebuhraya Cheras-Kajang

## Ban must be enforced properly, say minister, associations

## Kumpulan Sunway gondol tiga Anugerah Industri Pembinaan Malaysia

## 100 peratus dibina pekerja JKR

## Beri kepercayaan pemaju tempatan bina bangunan

## Kerjasama tingkat hasil kerja Bumiputera

## Kontraktor Melayu dapat bantuan RM1.5 juta

## Boleh pulang petang esok
Pemantauan dapati struktur bangunan Blok K, L Pangsapuri Teratai selamat diduduki

500,000 pengguna lebuh raya di LDP, Sprint jimat 3 hingga 75 peratus
## Diskaun tol sempena Deepavali

NASKAH PERCUMA

ISSN 1985 - 4595

9 771985 459008